

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HSM 415 Seminar Sejarah Politik Malaysia

Masa : [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawap **EMPAT** [4] soalan.

1. “Tanah Melayu sebenarnya tidak pernah benar-benar dijajah oleh British. Inilah sebabnya nasionalisme dalam pengertiannya yang penuh tidak kelihatan di Tanah Melayu sehinggalah perang dunia kedua”. Ulaskan.
2. “Terdapat akhbar-akhbar Melayu sebelum perang dunia kedua menghebahkan mereka tidak berminat dan tidak akan membicarakan tentang politik. Namun, akhbar sering dikatakan sebagai sumber penting membiaknya kesedaran politik di kalangan orang Melayu”. Dengan mengemukakan contoh-contoh, bincangkan pernyataan ini.
3. “Dengan tertubuhnya Perikatan pada 1953 maka terjadilah buat pertama kalinya dalam sejarah Malaysia kerjasama politik antara kaum. Tanpa Perikatan Tanah Melayu tidak mungkin mencapai kemerdekaan dalam tahun 1950-an”. Nilaikan pandangan ini.
4. Bincangkan sejauh manakah Darurat yang diisytiharkan pada Jun 1948 mempercepatkan atau melambatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu.
5. “Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948 telah melenyapkan buat selamanya rancangan Malayan Union. Ia adalah kemenangan mutlak bagi UMNO dan orang Melayu”. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
6. “Perancang utama gagasan Malaysia bukanlah Tunku Abdul Rahman. Malaysia adalah ciptaan kerajaan British dan Parti Tindakan Rakyat (PAP) Singapura yang lebih berminat terhadap penubuhannya”. Bincangkan.

7. "Parti pembangkang dan anasir komunis sering dituduh sebagai penyebab Peristiwa 13 Mei 1969. Hakikatnya ialah kerajaan Perikatan sendiri telah banyak melakukan kesilapan yang memungkinkan terjadinya peristiwa itu". Bincangkan.

--oo000oo--